



Perancangan
Kewangan
BIBD



Bruneian at Heart



Hubungi Pusat Perhubungan kami
2238181 atau layari
www.bibd.com.bn untuk maklu-
maklumat lebih lanjut.

BIBDBRUNEI   

**Panduan Pengurusan
Kewangan Awda**

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

Lot 159, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS8711,
Negara Brunei Darussalam

Consumer | Corporate | Institutional



Panduan bijak pengurusan kewangan awda.

◆ Menjejaki wang awda

Adalah penting untuk merekod perbelanjaan awda bagi mengira perbelanjaan purata bulanan awda. Ini dapat membantu awda melihat sama ada terdapat mana-mana perbelanjaan yang tidak perlu bagi membolehkan awda berjimat. Apabila pendapatan bulanan melebihi daripada perbelanjaan bulanan awda, ini akan memudahkan awda untuk merancang bagi mencapai matlamat kewangan awda. Namun, jika perbelanjaan bulanan melebihi daripada pendapatan bulanan awda, besar kemungkinan awda dalam keadaan berhutang. Jika demikian, awda perlu meneliti situasi kewangan awda dengan lebih dekat lagi dan mempelajari bagaimana untuk menguruskan hutang awda.

◆ Menguruskan hutang awda

Apabila hutang mula meningkat, ianya boleh menjadi beban kepada awda terutamanya jika awda gagal mengurusnya dengan baik. Jika awda mempunyai sebarang simpanan tambahan, awda perlu menggunakan sebahagian daripadanya untuk membayar hutang awda. Mulakan dengan hutang yang mengenakan bayaran kadar tertinggi, seperti kad kredit dan overdraf. Pastikan bahawa pembayaran balik hutang awda segera dilaksanakan untuk mengelakkan daripada bayaran tertunggak dan caj tambahan.

◆ Perlindungan untuk awda dan orang tersayang

Kehidupan penuh ketidakpastian yang boleh menyebabkan beban emosi dan kewangan. Walaupun tidak ada jalan pintas untuk mengatasi tekanan emosi itu, terdapat beberapa cara yang boleh membantu meringankan bebanan kewangan awda. Untuk ketenangan fikiran, sebarang risiko kewangan yang mungkin perlu dilindungi dengan perlindungan Takaful (Insurans) yang sesuai, haruslah dipertimbangkan.

◆ Simpanan untuk kecemasan

Dengan pelbagai matlamat yang hendak dicapai, menabung untuk membina 'dana kecemasan' harus juga diberi keutamaan. Dana ini akan dapat membantu awda di masa keperluan dan situasi yang tidak diduga. Jumlah yang disarankan untuk 'dana kecemasan' adalah sekurang-kurangnya bersamaan dengan 3 ke 6 bulan pendapatan bulanan atau 6 ke 12 bulan perbelanjaan bulanan awda.

◆ Wang bekerja untuk awda

Jika awda mempunyai wang simpanan yang lebih, awda mungkin ingin meneroka pelaburan lain yang boleh menawarkan peluang untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik, seperti pelaburan dana dan saham. Pelaburan seperti ini biasanya melibatkan risiko dan awda perlu bersedia menerimanya atas keputusan awda sendiri. Pemilihan pelaburan awda juga perlu sesuai dengan tahap toleransi risiko yang awda sanggup terima.

(Sila baca pesanan di bawah *Nota penting mengenai Pelaburan*)

◆ Merancang untuk persaraan awda

Perancangan awal untuk persaraan sangatlah digalakkan. Lebih awal dimulakan, besar kemungkinan awda akan mencapai matlamat persaraan yang berkualiti. Adalah penting untuk menganggarkan jumlah yang diperlukan untuk menyara kehidupan sepanjang tempoh persaraan awda. Cara ini akan memudahkan awda untuk membuat pengiraan jumlah simpanan bulanan yang diperlukan dan seterusnya menabung dengan teratur dan sistematik.

◆ Bantuan profesional

Untuk maklumat lanjut atau bantuan profesional mengenai perancangan kewangan, sila hubungi 223-8181 untuk mengatur temu janji dengan salah seorang perunding perancangan kewangan kami.

Nota penting mengenai Pelaburan

Adalah penting untuk menyedari tentang ancaman pelaburan seperti skim 'Piramid' atau 'Ponzi'. Jenis-jenis pelaburan seperti ini biasanya menawarkan pulangan yang sangat tinggi dalam tempoh masa yang singkat, tanpa risiko atau risiko yang terlalu rendah. Skim seperti ini tidak akan mendedahkan dengan teliti tentang bagaimana pelaburan ini dijalankan dan caranya mendapatkan pulangan yang tinggi. Para pelabur yang terdahulu biasanya akan menerima pulangan yang dijanjikan dan ini akan menggalakkan para pelabur tersebut mempelawa saudara-mara dan teman-teman mereka untuk mengikuti skim pelaburan ini. Pengendali skim ini akan menggunakan wang para pelabur yang baru (new investor) untuk membayar kepada para pelabur yang terdahulu (existing investor). Setentunya lama kelamaan, para pelabur akan mencurigai skim ini apabila pengendali skim gagal memberi pulangan yang dijanjikan atau mengembalikan modal para pelabur. Akhirnya pengendali skim ini akan menghilang tanpa kesan.

Terdapat juga skim penipuan melalui telefon bimbit dan emel yang mendakwa awda sebagai pemenang atau penerima sejumlah wang yang banyak. Penipuan ini lazimnya akan memerlukan awda menghantar butir-butir peribadi dan akaun bank awda. Sebelum awda dapat menerima wang yang dinyatakan itu, awda juga mungkin diperlukan untuk menghantar sejumlah wang yang kononnya adalah untuk membayar kos pengirisan wang, perkhidmatan guaman atau cukai. Akhirnya, pengendali penipuan ini akan berhenti berhubung dengan awda dan menghilang tanpa bertanggjawab.